

Soalan No: 14

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]

TARIKH : 1.11.2017

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa lot tanah baru telah diperuntukkan untuk membina sekolah baru SJKT Sungai Bakap sedangkan Kementerian Pendidikan sudah pun bersetuju untuk membina sekolah baru di atas lot tanah asal, bilakah sekolah baru akan dibina dan apakah kos baru pembinaan sekolah ini yang tertangguh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek pembinaan SJKT Sungai Bakap sedang dalam peringkat penyediaan reka bentuk dan projek akan dimulakan sebaik sahaja proses reka bentuk selesai dan Kebenaran Merancang (KM) diperolehi.

Kos yang diperuntukkan oleh KPM bagi projek ini berjumlah RM3.5 juta. Pembinaan projek ini dilaksanakan sendiri oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan dipantau oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).